



**JAWATAN : PENSYARAH**  
**JABATAN / BAHAGIAN : AKADEMIK & PENYELIDIKAN**  
**TARAF JAWATAN : SAMBILAN**

**Ringkasan Bidang Tugas :**

1. Menjalankan kuliah dan tutorial kepada pelajar-pelajar mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Jabatan.
2. Memberi bimbingan akademik kepada pelajar-pelajar melalui waktu rundingcara.
3. Menyediakan soalan-soalan peperiksaan dan menjalankan penandaan serta pemarkahan bagi subjek-subjek yang berkaitan mengikut ketetapan dan peraturan akademik.
4. Terlibat dengan aktiviti penulisan dan penerbitan bagi memperkasakan ahli akademik.
5. Mematuhi peraturan dan piawaian yang ditentukan oleh kolej, agensi dan badan profesional.
6. Menjalankan tugas-tugas pentadbiran Jabatan Akademik & Penyelidikan mengikut keperluan dan arahan semasa.
7. Menghadiri mesyuarat Jabatan Akademik & Penyelidikan dan Kolej.
8. Menjalankan aktiviti untuk mempromosikan program akademik.
9. Melibatkan diri dengan aktiviti pembangunan masyarakat bila diperlukan.
10. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan daripada semasa ke semasa.

## **Syarat Kelayakan Minimum**

### **Pensyarah Multimedia :**

1. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Multimedia/ Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Multimedia Kreatif dan bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Berpengalaman mengajar dalam bidang berkaitan.
3. Mempunyai pengalaman yang berkaitan dalam industri / profesional sekurang-kurangnya 3 tahun.

**JAWATAN : JURULATIH KAWAD**  
**JABATAN / BAHAGIAN : AKADEMIK & PENYELIDIKAN**  
**TARAF JAWATAN : SAMBILAN**

### **Ringkasan Bidang Tugas :**

1. Bertanggungjawab sebagai jurulatih kawad dan latihan.
2. Tegas dalam memberi arahan dan berkebolehan mengawal perbarisan.
3. Mempunyai kesabaran yang tinggi dalam menghadapi sesuatu perkara.
4. Cergas dan boleh mengajar dengan betul.
5. Memberi ceramah yang berkaitan kesatria dan semangat patriotisme kepada pelajar.
6. Membuat penilaian terhadap komitmen pelajar dan latihan kawad.
7. Melatih pelajar sebaik yang boleh dengan mengajar mereka supaya berkelakuan baik dan berdisiplin tinggi.
8. Memberi pendedahan dan pengetahuan tentang patriotisme serta memupuk perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air.

## **Syarat Kelayakan Minimum**

### **Jurulatih Kawad :**

1. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma dalam mana-mana bidang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Mempunyai pengalaman menjadi jurulatih kawad dan mempunyai sijil kawad asas dari pasukan askar wataniah atau setaraf dengannya.

## **CARA PERMOHONAN**

Sekiranya anda adalah seorang yang berdaya saing, kreatif dan berinovasi, mempunyai tahap komitmen yang tinggi, berfikiran positif serta mampu bekerja dalam suasana mencabar, surat permohonan dan resume boleh dihantar melalui pos / serahan tangan / e-mel ke alamat berikut :-

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
TINGKAT 3, MENARA AKADEMIK  
KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR  
LOT 1363, JALAN PERKASA  
TAMAN MALURI  
55100 KUALA LUMPUR**

**EMAIL: [peluangkerjaya\\_hr@kpbkl.edu.my](mailto:peluangkerjaya_hr@kpbkl.edu.my)**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 APRIL 2023 (AHAD)**